

BERITA HARIAN, SABTU, 15 OGOS, 1981

## *The Malay Dilemma tidak merbahaya*

JAKARTA, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, mensifatkan sebagai tidak merbahaya kandungan buku karyanya, "The Malay Dilemma".

Bercakap kepada para pemberita di sini, beliau memberitahu buku itu telah dilarang tanpa dipertimbangkan kandungannya tetapi atas laporan seorang sahaja.

Perdana Menteri berkata, larangan ke atas bukunya itu ditarik balik

supaya orang ramai dapat membaca dan memahami isi kandungan buku tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang berada di sini untuk lawatan dua hari menyertai beribu-ribu umat Islam lain bersembahyang Jumaat di Masjid Istiqlal Indonesia.

Beliau juga melawat Tugu Peringatan Perang Indonesia di Kalibata dekat sini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

No

No